

Program Food Bank Malaysia

Program dicadang ikut zon mudahkan agihan

Kajang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berhasrat membangunkan Pusat Pengumpulan dan Pengagihan Makanan (PPPM) bagi program Food Bank Malaysia mengikut zon, bagi memudahkan pengagihan kepada golongan sasar.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata ketika ini, sebuah PPPM sudah pun beroperasi di Bukit Angkat di sini, manakala satu lagi dalam pembinaan di Kulim, Kedah.

"Penyediaan PPPM mengikut zon akan meningkatkan kecekapan pengedaran dan memudahkan penyumbang memberi sum-

bangan mereka berupa makanan atau barang penjagaan diri di zon yang terbabit.

"Sebagai contoh baru-baru ini, ketika banjir di Pantai Timur, petugas Yayasan Food Bank Malaysia dan kementerian berada di sana selama dua minggu untuk mengagihkan makanan setiap hari kepada sejumlah 15,000 mangsa banjir yang dipindahkan.

"Jadi adalah lebih baik jika pusat ini dapat diwujudkan mengikut zon supaya pengagihan bantuan akan menjadi lebih pantas, berbanding dari PPPM ini ketika itu," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan

Pra Pelancaran PPPM Food Bank Malaysia, di sini, semalam.

Saifuddin berkata, sejak dilancarkan pada Ogos 2018, sebanyak 480,000 isi rumah dan 12,000 pelajar universiti awam mendapat manfaat daripada program Food Bank Malaysia.

"Kita akan meluaskan lagi program ini kepada 123 institusi pendidikan membabitkan politeknik, institut latihan guru (IPG) dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS) dengan mewujudkan 'central kitchen' dan pantry makanan.

"Sudah apa pihak yang akan memberi sumbangan termasuk hampir semua pasar raya ter-

kemuka dan hotel, yang sudah pun menghubungi Yayasan Food Bank Malaysia," katanya.

Mengenai PPPM yang dilawati hari ini, Saifuddin berkata, ia dibangunkan di atas kawasan seluas 464.5 meter persegi, yang dilengkapi dengan kemudahan seperti rak penyimpanan yang teratur, jentera angkat dan bilik sejuk beku, yang beroperasi dari jam 9 pagi hingga 6 petang.

Katanya, makanan dan barang penjagaan diri yang diterima akan dikumpul di pusat itu dan diagihkan kepada golongan sasar terpilih selepas proses periksaan dilakukan sukarela-wan terbabit.

HARI : .. RABU
TARikh : 22/1/2020
M/SURAT : 9